

Semua Pengarah Bahagian;

( )dlm.PPS.(S)

6/92 CUB

Semua Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri;

September 1996

Semua Jurutera Projek;

Semua Ketua Cawangan/Unit Ibu Pejabat JPS., Kuala Lumpur;

Semua Jurutera Daerah/Wilayah.

Tuan,

**Perkara : Akta Kontrak Kerajaan 1949  
Pemberian Kuasa Kepada Pegawai  
Untuk Menandatangani Kontrak**

-----

... Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan sesalinan Pemberitahuan Undang-Undang (P.U.(B) 296/96) mengenai Pemberian Kuasa Di bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk pegawai-pegawai tertentu di bawah Kementerian Pertanian Malaysia.

2. Pemberian Kuasa ini berkuatkuasa mulai 12 Februari 1996 dan membatalkan Pemberian Kuasa bertarikh 9 Mac 1983 yang lalu. Walaubagaimanapun, bagi kontrak-kontrak dimana Surat Setujuterima Tender telah ditandatangani oleh pegawai-pegawai mengikut bidang kuasa yang terdahulu, pegawai yang menandatangani dokumen kontrak hendaklah mengikut bidang kuasa seperti dahulu.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(FADZILAH BT. ABDUL SAMAD)

Pengarah Ukur Bahan,

b.p.: Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran,  
Malaysia.

s.k.: - Ketua Pengarah  
- Timbalan Ketua Pengarah

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran.

KP/BK/291/1  
Jld. 2(101)

Ketua Pengarah Pertanian  
Jabatan Pertanian.

10 Ogos 1996

Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Ketua Pengarah Perikanan,  
Jabatan Perikanan.

Pengarah,  
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan.

Ketua Pengarah,  
Bahagian Kawalselia Industri Padi dan Beras.

Semua Pengarah,  
Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP).

Pengurus,  
Taman Pertanian Malaysia.

Tuan,

**AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**  
**Pemberikuasaan Kepada Pegawai Untuk Menandatangani Kontrak**

-----

Dengan sukacita dan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Tuan kepada perkara di atas.

- ...
2. Sukacita bersama ini disertakan sesalinan Pemberitahu Undang-Undang (P.U.(B) 296/96) mengenai Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 bagi pegawai-pegawai tertentu di bawah Kementerian Pertanian Malaysia, untuk makluman, gunapakai dan rujukan Y.Bhg. Dato'/Tuan.

...2/-

3. Pemberian Kuasa ini berkuatkuasa mulai 12 Februari 1996. Semuga ianya dapat dimanfaatkan sewajarnya.

Sekian. Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ABDULLAH BIN TAHIR)  
Bahagian Kewangan dan Akaun,  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pertanian Malaysia.

s.k.: Y. Bhg. Dato' KSU  
Y. Bhg. Dato' TKSU I  
Y. Bhg. Dato' TKSU II  
SUB (Kewangan dan Akaun)  
SUB (Perancangan Makro dan Strategik)  
SUB (Pembangunan Komoditi)  
SUB (Pembangunan Sumber dan Institusi)  
KPSU (Pentadbiran)  
Ketua Unit Audit Dalam

**AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**

**PEMBERIAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 2**

Saya, Menteri Pertanian, dengan ini memberi kuasa kepada pegawai yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual untuk menandatangani semua kontrak bagi pihak Kerajaan Malaysia di bawah nilai yang dinyatakan dalam ruang (3).

2. Pemberian kuasa ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 12 Februari 1996.
3. Pemberian kuasa bertarikh 9 Mac 1983 adalah dibatalkan.

<i>(1)</i> <i>Jabatan</i>	<i>(2)</i> <i>Pegawai yang</i> <i>Diberikuasa</i>	<i>(3)</i> <i>Nilai</i> <i>Kontrak</i>
Jabatan Pengairan dan Saliran	Ketua Setiausaha	RM 25,000,000.00
	Ketua Pengarah	RM7,000,000.00
	Timbalan Ketua Pengarah	RM5,000,000.00
	Pengarah Bahagian Negeri/Wilayah Persekutuan/ Jurutera Projek	RM2,000,000.00
	Timbalan Pengarah Negeri/Pengetua Pusat Latihan Pengurusan Air Kebangsaan	RM500,000.00

Dated 21 Jun 1996  
[KP/LA/293/1;PN(PU<sup>2</sup>)247]